



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
(*Ministry of Health Malaysia*)  
**Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)**  
Lot 36, Jalan Universiti  
46200 Petaling Jaya  
Selangor  
MALAYSIA

No. Telefon : 03 - 7883 5400  
No. Faksimili : 03 - 7956 2924  
Portal Rasmi : <http://www.npra.moh.gov.my>  
E-mel Rasmi : npra@npra.gov.my

Ruj. Kami: NPRA.600-1/9/13 ( 5 )

Tarikh : 17 Ogos 2020

**SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN**

**SEMUA PERSATUAN BERKENAAN  
(SEPERTI DI SENARAI EDARAN)**

Tuan/ Puan,

**PERATURAN-PERATURAN KAWALAN DADAH DAN KOSMETIK 1984**

**ARAHAN PENGARAH PERKHIDMATAN FARMASI BILANGAN 14 TAHUN 2020:  
DIREKTIF UNTUK SEMUA PRODUK YANG MENGANDUNG TOPIRAMATE:  
PENGEMASKINIAN SISIP BUNGKUSAN DAN RISALAH MAKLUMAT UBAT UNTUK  
PENGGUNA (RIMUP) DENGAN MAKLUMAT KESELAMATAN BERKAITAN RISIKO  
*UVEITIS***

Adalah saya merujuk kepada Arahan Bilangan 14 Tahun 2020 oleh Pengarah Perkhidmatan Farmasi.

2. Dimaklumkan bahawa Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia dalam Arahan Bilangan 14 Tahun 2020 telah bersetuju untuk memasukkan maklumat keselamatan berkaitan risiko *uveitis* bagi produk yang mengandungi topiramate seperti pada surat arahan NPRA.600-1/9/13 ( 5 ).

3. Pihak pemegang pendaftaran adalah diarahkan untuk mematuhi keperluan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(DR HASENAH BINTI ALI) (RPh 1517)  
Pengarah  
Bahagian Regulatori Farmasi Negara  
Kementerian Kesihatan Malaysia

SABNB/PKPSR/NPRA/11082020

SAB/nb

suhailah@npra.gov.my/nurhidayah@npra.gov.my  
 +603 - 7883 5463/5474



**ARAHAN DI BAWAH PERATURAN 29 PERATURAN – PERATURAN  
KAWALAN DADAH DAN KOSMETIK 1984**

**BILANGAN 14 TAHUN 2020**

**DIREKTIF UNTUK SEMUA PRODUK YANG MENGANDUNG TOPIRAMATE:  
PENGEMASKINIAN SISIP BUNGKUSAN DAN RISALAH MAKLUMAT UBAT  
UNTUK PENGGUNA (RiMUP) DENGAN MAKLUMAT KESELAMATAN  
BERKAITAN RISIKO *UVEITIS***

**TUJUAN**

**1.1** Arahan ini dikeluarkan oleh Pengarah Perkhidmatan Farmasi di bawah Peraturan 29 (1) Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

**1.2** Arahan ini ditujukan kepada semua pemegang pendaftaran produk yang mengandungi topiramate bagi mengemaskini sisip bungkusan dan risalah maklumat ubat untuk pengguna (RiMUP) dengan maklumat keselamatan berkaitan risiko *uveitis*.

**LATAR BELAKANG**

**2.1** Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dalam mesyuarat kali ke 347 pada 6 Ogos 2020 telah membuat keputusan untuk semua produk yang mengandungi topiramate bagi mengemaskini sisip bungkusan dan risalah maklumat ubat untuk pengguna (RiMUP) dengan maklumat keselamatan berkaitan risiko *uveitis*.

## PELAKSANAAN

**3.1** Oleh itu arahan – arahan berikut perlu dipatuhi untuk semua produk yang mengandungi topiramate seperti berikut:-

### 3.1.1 Sisip bungkusan

**Pada bahagian *Adverse Effects/ Undesirable Effects:***

*Postmarketing data*

*Eye disorders*

*Frequency “not known”: Uveitis*

### 3.1.2 Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

**Pada bahagian *Side Effects:***

- *sudden changes in your eyesight (e.g blurred vision)*
- *eye pain*
- *red eye*

**4.** Tarikh pelaksanaan keperluan mengemaskini maklumat berkenaan pada semua produk yang mengandungi topiramate bagi:

(a) Permohonan baru dan produk yang sedang dalam proses penilaian : **1 September 2020.**

(b) Produk berdaftar : **1 Mac 2021.**

**5.** Permohonan pindaan pada sisip bungkusan dan RiMUP bagi produk berdaftar perlu dikemukakan sebagai permohonan variasi.

**6.** Tarikh kuat kuasa arahan ini ialah mulai **1 September 2020.**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**(DATIN DR. FARIDAH ARYANI BINTI MD YUSOF) (RPh 1197)**

Pengarah Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

SAB/NB/PKPSR/NPRA/07082020

- s.k.
1. Pengarah  
Bahagian Regulatori Farmasi Negara  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  2. Pengarah  
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  3. Pengarah  
Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia
  4. Pengarah  
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia